A

Suki Mee lwn Arena Ria Sdn Bhd

B

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — PENGGULUNGAN SYARIKAT NO AA-28NCC-67–09 TAHUN 2016
CHE MOHD RUZIMA H
13 SEPTEMBER 2017

C

Syarikat dan Perbadanan — Petisyen penggulungan — Permohonan — Sama ada pempetisyen wajar dipecat sebagai pemegang saham responden — Sama ada penggulungan responden adil dan saksama — Akta Syarikat 1965 ss 181 & 218(1)

D

Ini adalah petisyen penggulungan syarikat yang dikemukakan oleh Suki Mee bagi ('pempetisyen') bagi menggulung Arena Ria Sdn Bhd ('responden') di bawah perenggan 181(1)(a) serta perenggan 218(1)(f) dan (i) Akta Syarikat 1965 ('Akta'). Responden melalui seorang lagi pengarahnya, Toi Sin Fatt ('TSF') telah memfailkan notis niat untuk hadir bagi menghalang petisyen. Hanya terdapat dua orang pemegang saham di dalam responden. Pempetisyen memiliki 200,000 unit saham yang mewakili 40% jumlah saham berbayar responden. Baki 300,000 unit saham atau 60% saham responden dimiliki TSF. Kedua-dua pemegang saham pada mulanya adalah merupakan pengarah responden. Pempetisyen dan TSF telah saling mengenali satu sama lain sejak kecil lagi. Dari segi kerjaya, pempetisyen seorang perancang bandar dan TSF adalah seorang pemaju perumahan. Pada masa material, TSF telah menyertai pempetisyen di dalam responden untuk dijadikan sebuah syarikat pemaju perumahan. Pada sekitar bulan Mei tahun 2016 berlaku perselisihan faham di antara pempetisyen dan TSF. Puncanya adalah mengenai urusan perniagaan dalam sebuah syarikat dikenali sebagai Fiscal Arena Sdn Bhd ('FASB') yang menjalankan pengusahaan perladangan kelapa sawit. TSF mendakwa bahawa pempetisyen sebagai salah seorang pengarah FASB telah terlibat dengan urusan membeli tanah-tanah untuk dirinya sendiri dari peserta Rancangan Penyusunan Semula Tapak Pertanian Berkelompok Orang Asli di Kampung Chinggung, Behrang Ulu, Mukim Ulu Bernam Timur, Daerah Batang Padang, Perak, dengan membelakangkan hak dan kepentingan FASB. Selepas itu, hubungan mereka mulai renggang sehinggakan pempetisyen dilarang daripada mengambil bahagian di dalam pengurusan dan proses membuat keputusan responden. Kemuncaknya, pada 15 Jun 2016 pempetisyen telah disingkirkan dari menjadi pengarah responden dan TSF telah melantik isterinya, Ng Yok Fong ('NYF'), sebagai pengarah baru responden. Bukan setakat itu, setiausaha syarikat turut memaklumkan bahawa pempetisyen telah juga disingkirkan dari menjadi pengarah di dalam empat buah syarikat yang lain melalui surat bertarikh 8 Julai 2016.

E

F

G

H

I

Diputuskan, membenarkan permohonan pempetisyen:

(1) TSF sewajarnya mengambil tindakan terhadap pempetisyen di dalam FASB sahaja dan tidak sepatutnya mencampuradukkan urusan syarikat tersebut dengan urusan pentadbiran responden. TSF tidak ada alasan yang kukuh bagi memecat pempetisyen dari menjadi pengarah responden. Lebih-lebih lagi responden hanya ada pempetisyen dan TSF sahaja sebagai pemegang saham (lihat perenggan 15).

(2) Tindakan TSF memecat pempetisyen di atas alasan yang tidak ada kaitan dengan responden dan kemudian melantik pula isterinya sendiri menjadi pengarah, adalah suatu tindakan yang mementingkan dirinya sendiri dengan mengetepikan kepentingan satu-satunya pemegang saham yang lain. Suatu keadaan yang didapati telah memenuhi kehendak di bawah perenggan 218(1)(f) Akta (lihat perenggan 18).

(3) Adalah didapati bahawa hubungan pempetisyen dan TSF tidak boleh dipulihkan lagi. Hayat responden sekiranya dilanjutkan sekali pun, sudah pasti akan mengundang pertikaian yang tidak ada kesudahannya. Mereka sewajarnya diperintahkan berpisah supaya boleh membawa haluan masing-masing. Keadaan tersebut menjustifikasikan suatu perintah penggulungan responden di atas alasan 'adil dan saksama' seperti mana yang diperuntukkan di perenggan 218(1)(i) Akta (lihat perenggan 25).

[English summary

This was a liquidation petition of a company made by Suki Mee ('the petitioner') under para 181(1)(a) and para 218(1)(f) and (i) of the Company Act 1965 ('the Act'). The respondent, through another director, Toi Sin Fatt ('TSF') had filed an appearance to object the petition, there were only two shareholders in the respondent. The petitioner had 200,000 shares unit which represented 40% out of the total shares in the respondent and the balance of shares unit owned by TSF. Previously, both shareholders were the directors of the respondent. They knew each other since young, in term of the career, the petitioner was a town planner and TSF was a housing developer. At the material time, TSF joined the petitioner in the respondent and they had a plan to make the respondent as a housing developer company, Around May 2016, there was a misunderstanding occurred between the petitioner and TSF. It was due to the business management of a company known as Fiscal Arena Sdn Bhd ('FASB'). FASB carried out business of oil palm plantation. TSF alleged that the petitioner had involved in sale and purchase of lands for himself from the participant of Rancangan Penyusunan Semula Tapak Pertanian Berkelompok Orang Asli di Kampung Chinggung, Behrang Ulu, Mukim Ulu Bernam Timur in the district of Batang Padang, Perak. The sale of the lands was made without considering the interest of FASB. After that, their relationship worsened as the petitioner was prevented from involvement in the

management and decision making process of the respondent. The climax was on 15 June 2016 when the petitioner was dismissed as the director of the respondent. Due to the dismissal of the respondent, TSF then appointed his wife, Ng Yok Fong ('NYF') as the new director of the respondent. The petitioner was also dismissed as the director of other companies through a letter dated 8 July 2016.

Held, allowing the petitioner's application:

(1) TSF should take action against the petitioner only for matters relating to FASB and should not mix up between the management of the company and the administration of the respondent. There was no valid reason on the dismissal of the petitioner as the director of the respondent. It was because the respondent had only had the petitioner and TSF as the shareholders (see para 15).

(2) The action made by TSF in dismissing the petitioner for the reason unrelated to the respondent and then had appointed his wife as the new director were considered just for his own benefit and interest and denied the right of another shareholder. The facts and circumstances were not in compliance with para 218(1)(f) of the Act (see para 18).

(3) It was discovered that the relationship between the petitioner and TSF could not be recovered again. The term of operation of the respondent, even if could be sustained, would still cause continuous conflicts. They should be separated with their own ways. The facts and circumstances justified for an order of liquidation for the reason of just and equal as in para 218(1)(i) of the Act (see para 25).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai permohonan petisyen penggulungan, lihat 3(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 1279–1293.

Kes-kes yang dirujuk

Foo Yin Shung & Ors v Foo Nyit Tse & Brothers Sdn Bhd [1989] 2 MLJ 369, MT (dirujuk)
Tay Bok Choon v Tahansan Sdn Bhd [1987] 1 MLJ 433, PC (dirujuk)
Varusay Mohamed Shaik Abdul Rahman v SVK Patchee Bros (M) Sdn Bhd [2002] 3 MLJ 674, MR (dipertimbangkan)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Syarikat 1965 ss 181(1)(a), 218, 218(1)(f), (1)(i)

Domnic Selvam a/l Gnanapragasam (Nur Adnen bt Yahya bersamanya) (Rajandran Domnic & Co) bagi pihak pempetisyen.
Chan Hoe Cheng (LW Ong & Chan) bagi pihak responden.

Che Mohd Ruzima H:

PENDAHULUAN

[1] Ini adalah petisyen penggulungan syarikat yang dikemukakan Suki Mee (pempetisyen) bagi menggulung Arena Ria Sdn Bhd (responden) di bawah perenggan 181(1)(a) serta perenggan 218(1)(f) dan (i) Akta Syarikat 1965 ('Akta 1965'). Responden melalui seorang lagi pengarahnya, Toi Sin Fatt ('TSF') telah memfailkan notis niat untuk hadir bagi menghalang petisyen.

[2] Petisyen pempetisyen disokong afidavit yang menentu sahkan petisyen bertarikh 23 September 2016 yang diikrarkan sendiri oleh pempetisyen. Sementara itu, TSF yang bertindak mewakili responden telah membantah petisyen dengan memfailkan afidavit jawapan bertarikh 2 Mac 2017.

LATAR BELAKANG RINGKAS PETISYEN

[3] Hanya terdapat dua orang pemegang saham di dalam responden. Pempetisyen memiliki 200,000 unit saham yang mewakili 40% jumlah saham berbayar responden. Baki 300,000 unit saham atau 60% saham responden dimiliki TSF. Kedua-dua pemegang saham pada mulanya adalah merupakan pengarah responden.

[4] Pempetisyen dan TSF telah saling mengenali satu sama lain sejak kecil lagi. Dari segi kerjaya, pempetisyen seorang perancang bandar dan TSF adalah seorang pemaju perumahan. Pada masa material, TSF telah menyertai pempetisyen di dalam responden untuk dijadikan sebuah syarikat pemaju perumahan.

[5] Selain responden, pempetisyen dan TSF serta beberapa pemegang saham yang lain turut memiliki empat buah syarikat yang lain iaitu Fiscal Arena Sdn Bhd ('FASB'), Goodluck Marketing Sdn Bhd, ZKS Serangkai Sdn Bhd dan Far Origin Sdn Bhd.

[6] Pada sekitar bulan Mei tahun 2016 berlaku perselisihan faham di antara pempetisyen dan TSF. Puncanya adalah mengenai urusan perniagaan dalam FASB yang menjalankan pengusahaan perladangan kelapa sawit. TSF mendakwa bahawa pempetisyen sebagai salah seorang pengarah FASB telah terlibat dengan urusan membeli tanah-tanah untuk dirinya sendiri dari peserta Rancangan Penyusunan Semula Tapak Pertanian Berkelompok Orang Asli di Kampung Chinggung, Behrang Ulu, Mukim Ulu Bernam Timur, Daerah Batang Padang, Perak, dengan membelakangkan hak dan kepentingan FASB.

[7] Selepas itu, hubungan mereka mulai renggang sehinggakan pempetisyen dilarang daripada mengambil bahagian di dalam pengurusan dan proses membuat keputusan responden. Kemuncaknya, pada 15 Jun 2016 pempetisyen telah disingkirkan dari menjadi pengarah responden dan TSF telah melantik isterinya, Ng Yok Fong ('NYF'), sebagai pengarah baru responden. Bukan setakat itu, setiausaha syarikat turut memaklumkan bahawa pempetisyen telah juga disingkirkan dari menjadi pengarah di dalam empat buah syarikat yang lain melalui surat bertarikh 8 Julai 2016.

ANALISIS DAN DAPATAN MAHKAMAH

[8] Petisyen penggulungan syarikat yang dikemukakan pempetisyen berasaskan kepada peruntukan perenggan 181(1)(a) serta perenggan 218(1)(f) dan (i) Akta 1965. Setelah diteliti petisyen, afidavit menentu sahkan petisyen dan penghujahan peguam pempetisyen, adalah didapati bahawa pembuktian alasan di bawah perenggan 181(1)(a) Akta 1965 telah diabaikan. Oleh itu, tumpuan analisis mahkamah ke atas petisyen ini hanya tertumpu kepada pembuktian alasan di bawah perenggan 218(1)(f) dan (i) Akta 1965 sahaja.

[9] Bagi memudahkan rujukan, peruntukan perenggan 218(1)(f) dan (i) Akta 1965 seperti mana berikut:

> Section 218 Circumstances in which company may be wound up by Court.
>
> (1) The Court may order the winding up if —
>
> ...
>
> (f) the directors have acted in the affairs of the company in their own interests rather than in the interests of the members as a whole, or in any other manner whatsoever which appears to be unfair or unjust to other members;
>
> ...
>
> (i) the Court is of opinion that it is just and equitable that the company be wound up; ...

Dengan itu, mahkamah ada budi bicara untuk memerintahkan penggulungan sesebuah syarikat sekiranya dapat dibuktikan mana-mana hal keadaan yang dinyatakan di perenggan 218(1)(f) dan (i) Akta 1965.

[10] Bagi menjelaskan kehendak di perenggan 218(1)(f) Akta 1965, Peh Swee Chin H (beliau ketika itu) di dalam kes *Foo Yin Shung & Ors v Foo Nyit Tse & Brothers Sdn Bhd* [1989] 2 MLJ 369 telah memutuskan sepertimana berikut:

> Section 218(1)(f) has two limbs — the first limb containing the phrase, inter alia, 'interests of members as a whole' and the second, the phrase, inter alia, 'unfair and unjust to other members'.

> About the phrase 'interests of members as a whole', I have adopted respectfully the interpretation of Bowen CJ in Equity of New South Wales Supreme Court in *Re Cumberland Holdings Ltd* [1976] 1 ACLR 361 that the phrase means a situation where directors are shown to have preferred their own interests to the interests of one, or more or perhaps some significant section of the members so that the action of directors may be open to challenge notwithstanding that it coincides with the interests of the majority shareholder. The test in connection with such challenge seems to be that the said s 218(1)(f) or para (f) applies when the directors are seen not to have been acting in the interests of all the members and cannot be said therefore to have been acting in the interests of members as a whole.
>
> ...
>
> The second limb of para (f) regarding the phrase 'unjust or unfair to members' was unfortunately not elucidated by His Lordship in *Re Cumberland Holdings*. The words 'unjust or unfair' are not technical terms of law but are ordinary words which will certainly defy any attempt of precise legal definition, as eg even the meaning of the word 'justice' has been debated for centuries by eminent thinkers. For the purpose of law, their meaning is best left to its highly flexible state, though the words should have reference in my view to some commercial morality or integrity which the law ought to uphold or sustain, having regard to all the surrounding circumstances.

Berpandukan penjelasan yang diputuskan tersebut, mahkamah ini meneliti keterangan berkait dengan fakta yang membawa kepada petisyen pempetisyen.

[11] Setelah diteliti, keterangan yang menunjukkan bahawa kewujudan dan kelangsungan responden yang berasaskan kepada hubungan rapat pemegang sahamnya tidak dipertikaikan. Responden asalnya ditubuhkan oleh pempetisyen dan isterinya, Wah Chinta a/p Bah Bulu ('WCBB') pada 10 Mei 1999. Keduanya merupakan pengarah syarikat sehinggalah TSF mengambil alih 60% saham responden dan dilantik menjadi pengarah pada 10 Jun 2000 bagi menggantikan WCBB yang meletak jawatan. Asas penubuhan responden dinyatakan di perenggan 6 petisyen seperti mana berikut:

> Asas untuk penubuhan Responden adalah persefahaman sesama ahli-ahli lembaga pengarah berdasarkan kepada kepercayaan peribadi dan saling (personal and mutual trust) dan pendedahan penuh (full disclosure). Telah wujud suatu obligasi asal dan persefahaman bahawa semua ahli adalah layak untuk mengambil bahagian di dalam proses membuat keputusan Responden.

TSF tidak menafikan pernyataan pempetisyen tersebut malah turut menyokongnya dengan menyatakan bahawa pempetisyen adalah kenalannya sejak kecil lagi seperti mana yang dinyatakan di perenggan 4 afidavit jawapan.

[12] Nampaknya, berasaskan persefahaman dan kepercayaan tersebutlah, responden dianggotai hanya oleh dua orang pemegang saham sahaja. TSF yang menerajui pentadbiran responden memegang 60% saham dan pempetisyen pegang 40% saham. Di samping itu, perniagaan asas responden adalah

menjalankan pemajuan perumahan. Pengalaman TSF berniaga dengan bapanya di bidang pemajuan perumahan dan profesion pempetisyen sebagai seorang perancang bandar merupakan satu gabungan yang mantap. Responden membeli tanah yang sesuai dan kemudiannya membina rumah untuk dijual. Keterangan juga menunjukkan bahawa kedua mereka bersama-sama dengan beberapa individu lain turut memiliki empat buah entiti perniagaan yang lain.

[13] Umpama langit tidak selalu cerah, begitulah ibaratnya dengan hubungan di antara pempetisyen dan TSF. Berlaku perselisihan faham di antara keduanya yang akhirnya TSF bertindak memecat pempetisyen dari kerusi pengarah responden di atas kapasitinya sebagai pemegang saham majoriti. Selanjutnya TSF melantik isterinya, NYF, menjadi pengarah responden yang baru.

[14] Oleh sebab itulah, pemecatan pempetisyen dan pelantikan NYF menjadi alasan utama pempetisyen mengemukakan petisyen penggulungan responden. Hal yang berkait dengan pemecatan pempetisyen telah dinyatakan di perenggan 8–13 petisyen. Bagi menjawab pernyataan di perenggan 8, 9 dan 10 petisyen, TSF mengaitkan perkara yang berlaku di dalam FASB seperti mana yang dinyatakan di perenggan 13–32 afidavit jawapan. Lain daripada itu, TSF tidak secara spesifik menafikan kenyataan pempetisyen di perenggan 11–12 petisyen.

[15] Sekiranya diteliti keterangan, alasan bagi TSF memecat pempetisyen adalah berasaskan kehilangan kepercayaan akibat daripada apa yang berlaku di dalam FASB. Perenggan 12 afidavit jawapan TSF jelas menyebut seperti mana berikut:

> Saya telah kehilangan kepercayaan; niat baik dan persefahaman Pempetisyen berasal daripada syarikat bernama Fiscal Arena Sdn Bhd (No Syarikat: 559074-D) (kemudian dirujuk sebagai syarikat FA) yang telah ditubuhkan pada 17.9.2001 di bawah Akta Syarlkat oleh Pempetisyen dan isterinya, Wah Chinta a/p Bah Bulu.

Jelasnya, keterangan tersebut menunjukkan bahawa perselisihan faham yang timbul bukanlah berpunca dari pengurusan responden. Tidak ada satu pun alasan yang mengaitkan perbuatan pempetisyen di dalam pengurusan responden. Persoalannya, adakah tindakan TSF tersebut wajar? Setelah dibuat pertimbangan, jawapannya didapati negatif. TSF sewajarnya mengambil tindakan terhadap pempetisyen di dalam FASB sahaja dan tidak sepatutnya mencampuradukkan urusan syarikat tersebut dengan urusan pentadbiran responden. Mahkamah mendapati bahawa TSF tidak ada alasan yang kukuh bagi memecat pempetisyen dari menjadi pengarah responden. Lebih-lebih lagi responden hanya ada pempetisyen dan TSF sahaja sebagai pemegang saham.

[16] Seperti yang dinyatakan di perenggan 6 petisyen (lihat perenggan [11] di atas) yang mana tidak dinafikan TSF, asas penubuhan responden adalah kerjasama sesama ahli lembaga pengarah dan telah wujud suatu obligasi asal serta persefahaman bahawa semua ahli adalah layak untuk mengambil bahagian di dalam proses membuat keputusan responden. Maknanya, setiap pemegang saham boleh menjangkakan bahawa mereka akan kekal dilantik menjadi pengarah responden bagi menjaga kepentingan pegangan saham masing-masing. Di dalam kes *Tay Bok Choon v Tahansan Sdn Bhd* [1987] 1 MLJ 433, Majlis Privi melalui Lord Templeman telah membuat pemerhatian dan kemudiannya bersetuju dengan hakim bicara lalu memutuskan seperti mana seperti mana berikut:

> Viewing the facts as a whole Their Lordships are satisfied, as the trial judge was satisfied, that the petitioner was led to believe, even in the absence of any express assurance, that he would participate in the management of the company and that he would in any event be entitled to a seat on the board so long as he held one quarter of the issued share capital of the company. ...

[17] Keadaan yang hampir sama berlaku kepada pempetisyen. Perlu diingatkan bahawa pempetisyen memegang 40% saham responden. Bagi menjaga kepentingan pegangan tersebut, sudah tentulah pempetisyen boleh dikatakan percaya bahawa dia berhak mengambil bahagian dalam pengurusan responden. Oleh itu, di dalam apa keadaan sekali pun, pempetisyen berhak untuk menjangkakan akan menduduki kerusi lembaga pengarah walaupun tanpa apa-apa jaminan secara nyata.

[18] Setelah dipecat, pempetisyen sudah pastinya tersisih daripada terlibat dengan pengurusan responden dan segala keputusan berkait dengan urusan pentadbiran responden terletak di tangan TSF dan isterinya. Keadaan tersebut sudah tentulah akan menggusarkan pempetisyen sebagai satu-satunya pemegang saham responden selain dari TSF. Oleh itu, tindakan TSF memecat pempetisyen di atas alasan yang tidak ada kaitan dengan responden dan kemudian melantik pula isterinya sendiri menjadi pengarah, adalah suatu tindakan yang mementingkan dirinya sendiri dengan mengetepikan kepentingan satu-satunya pemegang saham yang lain. Suatu keadaan yang didapati telah memenuhi kehendak di bawah perenggan 218(1)(f) Akta 1965.

[19] Bagi membuat pertimbangan di bawah perenggan 218(1)(i) Akta 1965 pula, prinsip undang-undang yang dirujuk Mahkamah Rayuan semasa memutuskan kes *Varusay Mohamed Shaik Abdul Rahman v SVK Patchee Bros (M) Sdn Bhd* [2002] 3 MLJ 674 perlulah dijadikan panduan. Mohd Noor Ahmad HMR semasa menyampaikan keputusan mahkamah telah membuat pemerhatian berikut:

> The principles enunciated in *In re Westbourne Galleries* [1973] AC 360 at p 379 apply in Malaysia to a petition under s 218 of the Act for a winding up on just and

equitable grounds (see the Privy Council case of *Tay Bok Choon v Tahansan Sdn Bhd* [1987] 1 MLJ 433 at p 434). Our s 218(1)(i) is in pari materia with the provisions of s 222(f) of the English Companies Act 1948. In that case on 'just and equitable' Lord Wilberforce said:

> My Lords, in my opinion these authorities represent a sound and rational development of the law which should be endorsed. The foundation of it all lies in the words 'just and equitable' and, if there is any respect in which some of the cases may be open to criticism, it is that the courts may sometimes have been too timorous in giving them full force. The words are a recognition of the fact that a limited company is more than a mere legal entity, with a personality in law of its own: that there is room in company law for recognition of the fact that behind it, or amongst it, there are individuals, with rights, expectations and obligations inter se which are not necessarily submerged in the company structure. That structure is defined by the Companies Act and by articles of association by which shareholders agree to be bound. In most companies and in most contexts, this definition is sufficient and exhaustive, equally so whether the company is large or small. The 'just and equitable' provision does not, as the respondents suggest, entitle one party to disregard the obligation he assumes by entering a company, nor the court to dispense him from it. It does, as equity always does, enable the court to subject the exercise of legal rights to equitable considerations, that is, of a personal character arising between one individual and another, which may make it unjust, or inequitable, to insist on legal rights, or to exercise them in a particular way.
>
> It would be impossible, and wholly undesirable, to define the circumstances in which these consideration may arise. Certainly the fact that a company is a small one, or a private company, is not enough. There are very many of these where the association is a purely commercial one, of which can safely be said that the basis of association is adequately and exhaustively laid down in the articles. The superimposition of equitable consideration requires something more, which typically may include one, or probably more, of the following elements: (i) an association formed or continued on the basis of a personal relationship, involving mutual confidence — this element will often be found where a pre-existing partnership has been converted into a limited company; (ii) an agreement, or understanding, that all, or some (for there may be 'sleeping' members), of the shareholders shall participate in the conduct of the business; (iii) restriction upon the transfer of the members' interest in the company — so that if confidence is lost, or one member is removed from management, he cannot take out his stake and go elsewhere.
>
> It is these, and analogous, factors which may bring into play the just and equitable clause, and they do so directly, through the force of the words themselves.

[20] Seperti mana yang dinyatakan di perenggan [15] di atas, TSF hilang kepercayaan terhadap pempetisyen akibat apa yang berlaku di dalam pengurusan FASB. Perenggan 12 afidavit balasan TSF jelas menyatakan sedemikian. Perenggan 13–32 afidavit jawapan TSF memperincikan salah laku

yang didakwa dilakukan pempetisyen di dalam FASB. Bukan setakat dipecat dari jawatan pengarah responden, keterangan menunjukkan bahawa pempetisyen turut dipecat dari jawatan pengarah di empat buah syarikat mereka yang lain.

[21] Sementara itu, pempetisyen juga turut membuat tuduhan terhadap TSF. Di perenggan 16–17 petisyen pempetisyen telah membuat dakwaan berikut:

> 16. Pempetisyen juga memplidkan bahawa Tol tersebut telah salah guna kedudukannya sebagai pengarah di dalam Responden dengan melakukan pecah amanah. Responden telah memajak sebidang tanah yang berukuran lebih kurang 4 ekar daripada Majlis Perbandaran Batu Gajah (Selepas ini dirujuk sebagai 'tanah tersebut'). Tanah tersebut telah ditanam dengan pokok kelapa sawit. Sejak bulan Januari 2015, adalah dianggarkan bahawa sejumlah 2 tan buah kelapa sawit di hasilkan daripada tanah tersebut setiap bulan. Segala kos penyelenggaraan di tanggung oleh Responden. Nilai purata hasil se tan buah kelapa sawit adalah RM450.00. Ini bermakna Responden seharusnya memperoleh pendapatan sebanyak RM900 sebulan daripada hasil kelapa sawit. Sebaliknya Tol tersebut telah salah guna pendapatan Responden dan menggunakan untuk dirinya sendiri pendapatan tersebut. Jumlah kerugian kepada Responden daripada bulan Januari 2015 sehingga bulan Ogos 2016 adalah dianggarkan RM900 sebulan x 20 bulan = RM18,000.00 dan berterusan.
>
> 17. Selain daripada itu, Tol tersebut juga telah menyalahgunakan hasil sewa Responden untuk 2 unit bengkel dan 2 unit kedai pejabat milik Responden sejak awal tahun 2014 sehingga sekarang. Sewa bulanan untuk 4 unit bangunan tersebut adalah RM1,000 setiap unit. Sebaliknya Tol tersebut telah salah guna pendapatan Responden dan menggunakan untuk dirinya sendiri pendapatan tersebut. Jumlah kerugian kepada Responden daripada bulan Januari 2014 sehingga bulan Ogos 2016 adalah dianggarkan RM4,000 sebulan x 32 bulan = RM128,000.00 dan berterusan.

[22] Hubungan dengan TSF telah disimpulkan dengan jelas oleh pempetisyen di perenggan 18 petisyen. Malahan, TSF tidak mempertikaikan kenyataan pempetisyen tersebut di dalam afidavit jawapannya. Kenyataan pempetisyen tersebut adalah seperti mana berikut:

> 18. Hakikatnya, seperti mana yang dapat dilihat, kewujudan sebarang perhubungan di dalam Responden, terutama sekali perhubungan pekerjaan (*working relationship*), adalah tiada sama sekali. Justeru itu, adalah jelas bahawa tujuan asal Pempetisyen dan ahli-ahli lembaga pengarah tersebut di dalam menubuhkan Responden tersebut tidak dicerminkan di dalam keadaan semasa Responden. Tidak wujud sebarang asas untuk meneruskan perhubungan di antara ahli-ahli di dalam Responden. Pempetisyen sebagai pemegang saham di dalam Responden tidak menikmati sebarang pulangan daripada keadaan semasa Responden.

[23] Nyatalah, dari apa yang telah diikrarkan di dalam afidavit pempetisyen dan TSF, asas penubuhan responden iaitu persefahaman sesama ahli lembaga pengarah berdasarkan kepada kepercayaan bersama secara peribadi seperti mana yang dinyatakan di perenggan 6 petisyen, telah tidak wujud lagi. Mereka tidak lagi sehaluan dan tuduhan yang dilemparkan di antara satu sama lain menyukarkan keadaan.

[24] Hubungan mereka berdua yang boleh diibaratkan sebagai berpatah arang, berkerat rotan tidak memungkinkan hayat responden boleh terus dikekalkan. Walau pun TSF menegaskan bahawa responden masih boleh berniaga dan menjana keuntungan, hakikatnya, pempetisyen tidak merestui responden diuruskan oleh TSF dan isterinya. Seperti mana yang dinyatakan pempetisyen, pemecatannya dan pelantikan isteri NYF menjadikan perniagaan responden sebagai perniagaan keluarga. Pempetisyen dinafikan hak mengurus atau mengambil tahu pentadbiran responden walau pun memegang 40% sahamnya!

[25] Berdasarkan keterangan, adalah didapati bahawa hubungan pempetisyen dan TSF tidak boleh dipulihkan lagi. Hayat responden sekiranya dilanjutkan sekali pun, sudah pastilah mengundang pertikaian yang tidak akan ada kesudahannya. Mereka sewajarnya diperintahkan berpisah supaya boleh membawa haluan masing-masing. Keadaan tersebut menjustifikasikan suatu perintah penggulungan responden di atas alasan 'adil dan saksama' seperti mana yang diperuntukkan di perenggan 218(1)(i) Akta 1965.

KEPUTUSAN

[26] Berdasarkan kepada alasan-alasan yang dinyatakan tersebut, adalah didapati dan diputuskan bahawa pempetisyen telah berjaya membuktikan wujudnya keadaan-keadaan yang menjustifikasikan responden digulungkan. Permohonan pempetisyen di lampiran 1 perenggan 22(a) dan (b) dibenarkan. Tidak ada sebarang perintah dibuat ke atas kos.

Permohonan pempetisyen dibenarkan.

Dilaporkan oleh Mohd Kamarul Anwar